



NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

1249/2
Sejarah
Kertas 2
Oktober
2010
2 ½ jam

GERAK GEMPUR SEJARAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1249/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan, Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, Sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas Soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan Kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap Soalan atau ceraihan soalan di tunjukkan Dalam kurungan

Untuk kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

BAHAGIAN A (SOALAN STRUKTUR)
[40 Markah]

Jawab semua soalan

1. Kerajaan awal di Asia Tenggara telah meninggalkan warisan kesenian dalam bentuk monumen yang melambangkan pengaruh Hindu dan Buddha
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan monumen?
.....
.....
[2 markah]
- (b) Nyatakan bentuk monumen yang membuktikan pengaruh Hindu dan Buddha dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.
i.....
ii.....
[2 markah]
- (c) Senaraikan tiga fungsi candi dalam kerajaan awal di Asia Tenggara
i.....
ii.....
iii.....
[3 markah]
- (d) Mengapakah kerajaan Angkor membina Angkor Wat?
.....
.....
[1 markah]
- (e) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengekalkan warisan kesenian yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu
i.....
ii.....
[2 markah]

- 2 Kedatangan Islam telah menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan terpenting di rantau Asia Tenggara menjelang abad ke-15.
- (a) Mengapakah Melaka mampu menjadi pusat perdagangan terpenting pada ketika itu?
- i.....
- ii..... [2 markah]
- (b) Apakah peranan pembesar berikut dalam memajukan perdagangan di Melaka
- i. Laksanama : [1 markah]
- ii. Syahbandar : [1 markah]
- (c) Apakah jenis cukai yang dikenakan kepada para pedagang di Melaka?
- i.....
- ii..... [2 markah]
- (d) Senaraikan pusat perdagangan yang muncul selepas kejatuhan kerajaan Melaka.
- i.....
- ii..... [2 markah]
- (e) Sekiranya anda ingin menjadi seorang pedagang yang berjaya apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri anda?
- i.....
- ii..... [2 markah]

3. Akhbar, majalah dan novel telah memainkan peranan penting dalam melahirkan semangat nasionalisme di Malaysia.
(ms 50-53)
- (a) Namakan wartawan akhbar pada tahun 1930-an yang membangkitkan kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu.
.....
[1 markah]
- (b) Senaraikan **tiga** akhbar Melayu yang diterbitkan pada tahun 1930-an
- i.
- ii.
- iii.
[3 markah]
- (c) Nyatakan isu-isu ekonomi yang dibangkitkan dalam akhbar-akhbar tahun 1930-an
- i.
- ii.
[2markah]
- (d) Berikan **dua** novel yang membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.
- i.
- ii.
[2 Markah]
- (e) Pada pandangan anda, bagaimanakah akhbar dan majalah dapat menggerakkan kesedaran kebangsaan orang Melayu.
- i.
- ii.
[2 markah]

4



Jata Negara Malaysia menjadi lambang kemegahan penduduk negara ini.

- a. Apakah tujuan jata negara diwujudkan ?
 - i.
 - ii (2 markah)

- b. Apakah yang dilambangkan oleh lima bilah keris pada perisai dalam jata negara di atas?
 - i.
 - ii (2 markah)

- c. Apakah maksud dua ekor harimau yang menyokong perisai dalam jata negara di atas?
 - i. (1 markah)

- d. Nyatakan maksud cogankata “Bersekutu Bertambah Mutu” yang terdapat di bawah perisai itu.
 - i.
 - ii (2 markah)

- e. Pada pendapat kamu mengapakah lambang-lambang negara penting dihayati setiap warganegara Malaysia ?
 - i.
 - ii (3 markah)
 - iii

[10 Markah]

BAHAGIAN B
[60 Markah]

Arahan : Jawab tiga (3) soalan sahaja

5. Penyebaran Islam secara tidak langsung telah membawa pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.
- (a) Jelaskan cara-cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia.
[10 markah]
- (b) Apakah kesan pertembungan dari sudut keagamaan yang dapat memberi sumbangan kepada peradaban manusia?
[4 markah]
- (c) Bagaimanakah orang Islam berjaya menguasai ekonomi dan perdagangan dunia kesan daripada pertembungan ini?
[6 markah]
6. Kerajaan British telah memperkenalkan beberapa perubahan yang berkaitan dengan pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu sejak abad ke-19
- (a) Apakah perubahan-perubahan yang diperkenalkan oleh British berkaitan dengan pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu?
[8 Markah]
- (b) Jelaskan kesan pengenalan undang-undang tanah oleh British kepada masyarakat Melayu
[5 Markah]
- (c) Bagaimanakah kerajaan British memastikan masyarakat Melayu kekal sebagai petani?
[7 Markah]
7. Suruhanjaya Reid → Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu → Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
- (a) Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
[8 markah]
- (b) Nyatakan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
[8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menghargai kemerdekaan yang telah kita capai selama ini?
[4 markah]

8. Wawasan 2020 telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991.
- (a) Jelaskan matlamat wawasan 2020.
[5 Markah]
- (b) Terangkan **empat** cabaran yang perlu diatasi untuk merealisasikan wawasan 2020.
[10 Markah]
- (c) Sebagai pelajar, apakah tanggungjawab anda untuk menjayakan wawasan 2020 tersebut ?
[5 Markah]
9. Revolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah membawa perubahan besar terhadap kehidupan rakyat Malaysia kini. Kepesatan dan kepantasan perkembangan teknologi membuatkan sempadan dunia terbuka.
- (a) Berdasarkan pembacaan anda, jelaskan konsep globalisasi?
[5 Markah]
- (b) Terangkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memajukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
[10 Markah]
- (c) Jelaskan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membangunkan K-masyarakat.
[5 Markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN GEMPUR SEJARAH 2010

1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan monumen?

- F1 binaan /bangunan
- F2 diperbuat daripada batu
- F3 bertujuan untuk memperingati orang ternama / peristiwa penting

Mana-mana 2 x 1m

1(b) Nyatakan bentuk monumen yang membuktikan pengaruh Hindu dan Buddha dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.

- F1 candi
- F2 kuil
- F3 wat
- F4 stupa
- F5 arca
- F6 patung

Mana-mana 2 x 1m

1(c) Senaraikan tiga fungsi candi dalam kerajaan awal di Asia Tenggara

- F1 monumen keagamaan
- F2 rumah ibadat
- F3 menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya
- F4 tempat menyimpan patung dewa
- F5 lambang keagungan pemerintah
- F6 lambang orde kosmos
- F7 lambang kehebatan ahli seni bina agama
- F8 lambang keagungan sesebuah kerajaan

Mana-mana 2 x 1m

1(d) Mengapakah kerajaan Angkor membina Angkor Wat?

- F1 melambangkan orde kosmos / konsep alam semesta
- F2 melambangkan agama Hindu
- F3 lambang keagungan raja
- F4 lambang keagungan kerajaan Angkor

Mana-mana 2 x 1m

1(e) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengekalkan warisan kesenian yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu

- F1 memperlihatkan inovatif masyarakat dahulu
- F2 mewujudkan kehidupan yang harmoni
- F3 menunjukkan kepelbagaian budayan dalam kehidupan
- F4 menunjukkan sikap toleransi masyarakat
- M mana-mana jawapan calon yang munasabah

Mana-mana 2 x 1m

2. Kedatangan Islam telah menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan terpenting di rantau Asia Tenggara menjelang abad ke-15.

Ms 208-211

2(a) Mengapakah Melaka mampu menjadi pusat perdagangan terpenting pada ketika itu? [2 markah]

F1	kedudukan yang strategik	1
F2	Kehadiran ramai pedagang asing	1
F3	pentadbiran yang licin.	1
F4	terdapat undang-undang mantap / Undang-Undang Laut Melaka	1
F5	terdapat sistem sukat dan timbang	1
F6	menjalankan kaedah jual beli dan pertukaran barang	1
		Mana-mana 2 x 1m

2(b) Apakah peranan pembesar berikut dalam memajukan perdagangan di Melaka

i.	Laksanama	: menjaga urusan kelautan / menjaga keselamatan pedagang	1
ii.	Syahbandar	: ketua pelabuhan / menjaga hal ehwal perdagangan / menyelaraskan sistem sukat dan timbang	1
			Mana-mana 2 x 1m

2(c) Apakah jenis cukai yang dikenakan kepada para pedagang di Melaka? [2 markah]

F1	cukai barang dagangan	1
F2	cukai tetap / cukai import	1
F3	cukai enam peratus	1
F4	cukai lima peratus	1
		Mana-mana 2 x 1m

2(d) Senaraikan pusat perdagangan yang muncul selepas kejatuhan kerajaan Melaka.

F1	Johor	1
F2	Kedah	1
F3	Kelantan	1
F4	Terengganu	1
		Mana-mana 2 x 1m

2(e) Sekiranya anda ingin menjadi seorang pedagang yang berjaya apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri anda?[3 markah]

F1	Jujur / amanah	1
F2	Kreatif	1
F3	Gigih berusaha	1
F4	Tidak menindas	1
F5	Berilmu pengetahuan	1
F6	Memiliki modal yang banyak	1
F7	Semangat ingin terus berusa	1
M	Mana-mana jawapan yang munasabah	1
		Mana-mana 2 x 1m

3(a) wartawan akhbar pada tahun 1930-an yang membangkitkan kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu.

F1	Dato Onn Jaafar	1
F2	Abdul Rahim Kajai	1
		Mana-mana 1 x 1m

3(b) Akhbar Melayu yang diterbitkan pada tahun 1930-an

F1	Warta Malaya	1	
F2	Lembaga Malaya	1	
F3	Majlis	1	
F4	Utusan Melayu	1	
F5	Warta Negara	1	
F6	Fajar Sarawak	1	
			Mana-mana 3 x 1m
3(c)	Isu-isu ekonomi yang dibangkitkan dalam akhbar-akhbar tahun 1930-an		
F1	Menggalakkan syarikat kerjasama	1	
F2	Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang	1	
F3	Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu	1	
F4	Melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka	1	
F5	Menyeru orang Melayu supaya berjimat cermat	1	
F6	Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur	1	
			Mana-mana 2 x 1m
3(d)	Novel yang membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.		
F1	Keris Melaka	1	
F2	Anak Mat Lela Gila	1	
F3	Putera Gunung Tahan	1	
F4	Melor Kuala Lumpur	1	
			Mana-mana 2 x 1m
3(e)	Cara akhbar dan majalah dapat menggerakkan kesedaran kebangsaan orang Melayu		
F1	Memuatkan isu berkaitan sosial, ekonomi dan politik	1	
F2	mendedahkan idea baru	1	
F3	Mendedahkan tentang nasionalisme luar dan dalam Negara	1	
F4	memanding dan menilai kesan penjajahan	1	
			Mana-mana 2 x 1m
4(a)	Apakah tujuan jata negara di wujudkan		
F1	Supaya rakyat sentiasa bersemangat	1	
F2	Mewujudkan semangat bersatupadu	1	
F3	Sanggup berkorban untuk negara	1	
F4	Mempertahankan kedaulatan negara Malaysia	1	
			Mana-mana 2 x 1m [2m]
3(b)	Apakah yang dilambangkan oleh lima belah keris pada perisai dalam Jata Negara di atas		
F1	Melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Johor	1	
F2	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu	1	
			Mana-mana 2 x 1m [2m]
4(c)	Apakah maksud dua ekor harimau yang menyokong perisai dalam Jata Negara di atas?		
F1	Keberanian	1	
			Mana-mana 2 x 1m [1M]

- 4(d) Nyatakn maksud cogan kata “ Bersekutu Bertambah Mutu yang terdapat di bawah perisai itu
- | | | |
|-------------------------|--|-------------|
| F1 | Semangat permuafakatan | 1 |
| F2 | Semangat perpaduan antara negeri di Malaysia | 1 |
| Mana-mana 2 x 1m | | [2M] |
- 4(e) Pada pendapat kamu mengapakah lambang-lambang negara penting dihayati setiap warganegara Malaysia
- | | | |
|-------------------------|-------------------------------------|-------------|
| F1 | Lambang kecintaan terhadap tanahair | 1 |
| F2 | Sanggup mempertahankan tanahair | 1 |
| F3 | Sanggup berkorban untuk negara | 1 |
| F4 | Mewujudkan rakyat yang bersatu padu | 1 |
| F5 | Mewujudkan semangat kesetiaan | 1 |
| F6 | Mana –mana jawapan yang manasabah | 1 |
| Mana-mana 2 x 1m | | [3M] |
- 5(a) **Cara-cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia**
- | | | |
|---|---|---|
| F1 | Perdagangan dan perniagaan | 1 |
| H1a | Perdagangan jarak jauh menjadi alat utama pertembungan Islam dengan tamadun lain | 1 |
| H1b | Nabi Muhammad s.a.w pernah berniaga hingga ke Syam (Syria) | 1 |
| H1c | Penguasaan Islam terhadap kawasan Teluk Parsi,Laut Merah dan timurMediterranean | 1 |
| H1d | Abad ke-7 masihi orang Islam telah berdagang di Canton, China | 1 |
| F2 | Hubungan diplomatik | 1 |
| H2a | Kerajaan Bani Umayyah telah menghantar kumpulan peneroka ke utara Selat Gibraltar di selatan Sepanyol | 1 |
| H2b | Kumpulan peneroka Islam berjaya membuat hubungan diplomatik dengan orang bukan Islam di Cordova,Valencia dan Rhonda | 1 |
| F3 | Penaklukan dan ketenteraan | 1 |
| H3a | Kerajaan-kerajaan Islam telah membentuk ekspedisi ketenteraan | 1 |
| H3b | Tentera Islam menguasai kawasan Iraq dan Iran | 1 |
| H3c | Tentera Islam menakluk kawasan Mesir dan Afrika Utara | 1 |
| H3d | Tentera Islam juga bertembung dengan empayar Byzantine | 1 |
| F4 | Kebudayaan | 1 |
| H4a | Bahasa Arab telah menjadi bahasa utama di Sepanyol semasa zaman Umayyah yang berpusat di Cordova | 1 |
| H4b | Lahir golongan Mozarab iaitu orang tempatan yang beragama krisrian | 1 |
| H4e | Mereka mengamalkan budaya Islam dan berbahasa Arab | 1 |
| F5 | Intelektual | 1 |
| H5a | Ilmuan Islam telah berjaya mendalami ilmu dan keilmuan tamadun Eropah | 1 |
| H5b | Mereka berjaya memperkembang ilmu menurut pandangan Islam | 1 |
| <i>Mana-mana 20 x 1m = maksimum 10 markah</i> | | |
- 5(b) **Kesan pertembungan dari sudut keagamaan yang dapat memberi sumbangan kepada peradaban manusia?**
- | | | |
|----|---|---|
| F1 | Islam mengubah sistem kehidupan penganutnya dan mereka di bawah taklukannya | 1 |
|----|---|---|

F2	Islam membawa satu nilai akidah dan syariah	1
F3	Kepercayaan kepada Allah s.w.t	1
F4	Islam menyediakan sistem perundangan berdasarkan al-Quran dan hadis	1
F5	Islam mudah diterima kerana bersifat sarwajagat	1
F6	Ajaran Islam tidak terbatas kepada bangsa atau kawasan geografi	1
F7	Islam juga tidak menghapuskan cara hidup, adat dan budaya masyarakat setempat	1
		<i>Mana-mana 7 x 1m = maksimum 5 markah</i>

5(c) **Cara orang Islam berjaya menguasai ekonomi dan perdagangan dunia kesan daripada pertembungan ini**

F1	Pemerintahan kerajaan Islam telah memastikan keselamatan terhadap laluan perdagangan di kawasan naungannya	1
F2	ini membolehkan aktiviti ekonomi dan perdagangan berjalan lancar	1
F3	Kerajaan Uthmaniyah mempunyai armada laut mengawal keselamatan kapal-kapal pedagang di kawasan Teluk Parsi, Laut Mediterranean dan Laut Hindi	1
F4	Kawasan pusat ekonomi Islam meliputi kawasan Aden, Siraf, Basra, Iskandariah dan Istanbul	1
F5	Pedagang Islam sejak abad ketujuh Masihi telah berjaya berdagang ke kawasan seperti Ceylon, India, Kepulauan Melayu dan China.	1
F6	Pedagang Islam juga menjalankan perniagaan hingga ke Sepanyol, selatan Perancis, Armenia dan selatan gurun Sahara di benua Afrika	1
F7	Istanbul merupakan pusat aktiviti perdagangan dan perniagaan	1
F8	Kedudukan Istanbul yang strategik sebagai jambatan di antara dunia Timur dan Barat	1
		<i>Mana-mana 8 x 1m = maksimum 5 markah</i>

6(a) **Apakah perubahan-perubahan yang diperkenalkan oleh British berkaitan dengan pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu?**

F1	Penggunaan rekod bertulis	1
F2	Bukti pemilikan/mengesahkan hak pemilikan tanah	1
F3	Memudahkan urusan pentadbiran urusan cukai	1
F4	Memudahkan urusan niaga tanah seperti pajakan, sewa beli/penjualan/pembelian	1
F5	Tanah menjadi cagaran mendapatkan modal	1
F6	Memperkenalkan undang-undang tanah	1
F7	Memudahkan kerja pentadbiran tanah	1
F8	Memudahkan pembangunan ekonomi	1
F9	Memperkenalkan Peraturan Tanah Perak 1879	1
F10	Memperkenalkan Kanun Tanah Selangor 1891	1
F11	Memperkenalkan Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887	1
F12	Pembahagian tanah mengikut kegunaan/nilai komersial	1
F13	Tanah dibahagikan kepada tanah lading/tanah peribumi/tanah perlombongan	1
F14	Kadar cukai dikenakan mengikut jenis tanah yang dimiliki/diusahakan	1
F15	Residen negeri menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang diberikan kepada pemodal	1
F16	Residen mengambil kira faktor modal/teknologi/bilangan tenaga manusia	1
		<i>Mana-mana 15 x 1m = maksimum 8 markah</i>

- 6(b) Jelaskan kesan pengenalan undang-undang tanah oleh British kepada masyarakat Melayu
- | | | |
|----|---|---|
| F1 | Permohonan mengusahakan tanah tidak perlu mendapat kebenaran para pembesar Melayu | 1 |
| F2 | Individu/masyarakat perlu membuat permohonan di Pejabat Tanah | 1 |
| F3 | Masyarakat tempatan perlu mendapat kebenaran Pejabat Tanah untuk mengutip sumber hutan | 1 |
| F4 | Pengenalan sistem ekonomi wang di kalangan orang Melayu | 1 |
| F5 | Orang Melayu mesti membayar cukai yang dikenakan terhadap hasil hutan | 1 |
| F6 | Semua urusan jual beli/cukai/sewa tanah/barang keperluan/perkhidmatan dibayar dengan wang | 1 |
| F7 | Orang Melayu luar bandar bergantung kepada orang tengah untuk meminjam wang | 1 |
| F8 | Ramai orang Melayu terpaksa menjual tanah milik mereka untuk melangsaikan hutang | 1 |
- Mana-mana 8 x 1m = maksimum 5 markah*

- 6(c) Bagaimanakah cara penjajah British mengekalkan orang Melayu dalam golongan petani
- | | | |
|-----|---|---|
| F1 | Memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917 | 1 |
| F2 | Melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi | 1 |
| F3 | Mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil /orang Melayu dalam sector perusahaan getah | 1 |
| F4 | Menaikkan premium untuk permohonan tanah baru untuk penanaman getah | 1 |
| F5 | Pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah dilarang pada tahun 1930an | 1 |
| H6 | Kemerosotan harga getah di pasaran dunia | |
| H7 | British memberi perlindungan kepada pemodal dan pengusaha lading dari Eropah | 1 |
| H8 | Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa menyebabkan pekebun kecil diberi kuota yang lebih rendah | 1 |
| H9 | Pekebun kecil ditekan kerana dianggap ancaman kepada pengusaha lading | |
| H10 | Dasar British mengutamakan pelabur Eropah melalui skim perladangan dan meminggirkan pekebun kecil | 1 |
| H11 | Insentif kewangan dan bantuan teknikal tidak pernah ditawarkan kepada pekebun kecil | 1 |
- Mana-mana 11 x 1m = maksimum 7 markah*

- 7 (a) Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- | | | |
|-----|---|---|
| F1 | Membincang Perlembagaan yang merdeka | 1 |
| F2 | Menyusun pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F3 | merangka sebuah perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka | 1 |
| F4 | Menjadikan beberapa isu sebagai panduan pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan | 1 |
| F5 | Memberi kuasa autonomi kepada kerajaan negeri dalam bidang tertentu | 1 |
| F6 | Mengambilkira isu kedudukan raja-raja Melayu | 1 |
| F7 | Menjaga kedudukan & hak istimewa orang Melayu | 1 |
| F8 | Mewujudkan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F9 | adakan rundingan dengan Raja-raja Melayu | 1 |
| F10 | menerima kerakyatan/ prinsip jus soli | 1 |

F11	memasukkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi	1
F12	jadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi	1
F13	Menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak	1
F14	Memberi perhatian utama cadangan Parti Perikatan	1
F15	Cadangan Suruhanjaya Reid diterbitkan pada bulan Februari 1957	1
F16	Setelah Parlimen British menerimanya / disahkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu	1

Mana-mana 16 x 1 markah = Maksimum 8 markah

7(b) Nyatakan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? [8 markah]

F1	Sebuah kerajaan Persekutuan dibentuk	1
F2	Kuasa Persekutuan dipisahkan dengan kuasa negeri melalui senarai Persekutuan dan Senarai Negeri	1
F3	Institusi Raja dijadikan Rerperlembagaan pada peringkat negeri dan negara	1
F4	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara kuatkuasa undang-undang, permohonan dan naturalisasi	1
F5	Kerakyatan berasaskan prinsip Jus Soli diterima	1
F6	Kedudukan istimewa orang melayu dikekalkan	1
F7	Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan	1
F8	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
F9	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1
F10	Yang DiPertuan Agong sebagai ketua negara	1
F11	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
F12	Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran negeri dengan dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan Exco	1

Mana-mana 12 x 1 markah = Maksimum 8 markah

7(c) Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menghargai kemerdekaan yang telah kita capai selama ini ? [4 markah]

F1	Negara kita bebas dari belenggu penjajahan	1
F2	Mewujudkan keamanan dan kestabilan negara	1
F3	Membentuk masyarakat yang bersatu padu	1
F4	Menegakkan maruah bangsa dan kedaulatan negara	1
F5	Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial	1
F6	Berusaha melahirkan warganegara yang patriotik	1
M	Mana-mana jawapan calon yang munasabah	1

Mana-mana 7 x 1 markah = Maksimum 4 markah

8a Jelaskan matlamat wawasan 2020.

F1	Satu gagasan negara	1
F2	Untuk menjadi sebuah negara yang maju	1
F3	Menjelang tahun 2020	1
F4	Menjadikan malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju	1
F5	Dengan menggunakan acuan sendiri	1
F6	Setanding dengan negara maju lain didunia	1
F7	Bukan menitikberatkan kemajuan fizikal semata-mata	1
F8	Tetapi kemajuan bersepadu	1

Mana-mana 8 x 1m = mak [Mak.5 m]

8b Terangkan **empat** cabaran yang perlu diatasi untuk merealisasikan wawasan 2020

F1	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu	
H1a	Perpaduan asas kekuatan sesebuah negara	1
H1b	Dapat dilihat melalui dasar kerajaan	1
		1

F2	Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan	1
H2a	Bangga dngan eapa yang dicapai	1
H2b	Gagah menghadapi pelbagai masalah	1
H2c	Dapat memajukan negara sendiri	1
H2d	Dapat mengangkat martabat bangsa dan negara	1
F3	Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang	1
H3a	Masyarakat demokratik memiliki kebebasan untuk memilih kerajaan	1
H3b	Rakyat berfikiran matang menggunakan hak-hak demokrasi dengan sewajarnya	1
F4	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika	1
H4a	Seimbang dengan kemajuan fizikal	1
H4b	Dan membentuk masyarakat berbudaya unggul	1
H4d	Patuh pada agama	1
H4e	Mengamalkan budaya dan tradisi yang cemerlang	1
H4f	Melalui sistem pendidikan dan institusi keluarga	1
F5	Mewujudkan masyarakat matang. Liberal dan bertolensi	1
H5a	Dapat membebaskan diri daripada fahaman sempit	1
H5b	Sedia menerima perubahan dan	1
H5c	Menerima pandangan orang lain	1
F6	Membina masyarakat yang maju dan saintifik	1
H6a	Dan progresif dapat menyerap perubahan	1
H6b	Dan membina kecemerlangan	1
H6c	Berilmu dan menjana produktif, kreatif dan inovatif.	1
F7	Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang	1
H7a	Bercirikan muafakat, saling memahami, bekerjasama dan	1
H7b	Saling membantu	1
H7c	Tidak mementingkan diri sendiri	1
H7c	Tetapi kepentingan masyarakat	1
F8	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonomi	1
H8a	Tidak dikuasa oleh kelompok masyarat tertentu	1
H8b	Menimbulkan perasaan tidak puas hati	1
H8c	Dan mencetuskan kekacauan	1
F9	Memupuk dan membina masyarakat makmur	1
H9a	Hidup dalam kemewahan dan mempunyai taraf kehidupan yang tinggi	1
H9b	Tiada masyarat yang hidup melarat dan miskin	1
<i>Mana-mana 37 x 1m = mak [Mak.10m]</i>		
8c	Sebagai pelajar, apakah tanggungjawab anda untuk menjayakan wawasan 2020 tersebut ?	
F1	mewarisi tanggungjawab berat	1
F2	terlibat dalam pengisian wawasan	1
F3	Meneruskan kesinambungan perjuangan pemimpin terdahulu	1
F4	Mengekalkan kemajuan negara	1
M	Mana-mana yang munasabah	1
<i>Mana-mana 5 x 1m = mak [Mak.5 m]</i>		
9(a)	Berdasarkan pembacaan anda, terangkan konsep globalisasi?	
F1	Perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan disebabkan oleh kepesatan	1
H1a	atau kepantasan teknologi maklumat	1
F2	aspek penting dari segi ekonomi dan sosial	1
H2a	seperti barangan, modal, tenaga manusia, dan nilai menyeberangi sempadan	1

H2b	dalam masa singkat	1
F3	perubahan meliputi skop yang luas	1
H3a	dihubungkan dengan kemajuan teknologi	1
H3b	khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi	1
F4	terdapat dua pandangan terhadap globalisasi	1
F5	Pertama. Globalisasi merupakan sesuatu yang berfaedah	1
H5a	Kunci kepada pembangunan ekonomi dunia pada masa depan	1
F6	Kedua. Globalisasi dilihat akan meningkatkan jurang perbezaan	1
H6a	di dalam negara dan antara negara di dunia	1
H6b	negara maju dan negara membangun	1
H6c	menyekat peluang pekerjaan	1
H6d	merendahkan taraf hidup	1
H6e	dan menghindarkan perkembangan sosial	1

Mana-mana 17 x 1 markah = Maksimum 6 markah

9(b) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memajukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

F1	Menyediakan prasarana bagi merebut peluang serta faedah yang dihasilkannya	1
F2	Mempromosi penggunaan ICT	1
F3	Melancarkan projek Koridor Raya Multimedia atau MSC	1
F4	Memulakan e-pendidikan	1
F5	Pemasaran tanpa sempadan	1
F6	e-dagang	1
F7	penyiaran digital	1
F8	menyediakan peruntukan belajawan sebanyak RM5.2 billion	1
F9	peruntukan 1 billion diagihkan untuk program ICT di luar bandar	1
F10	untuk rapatkan jurang luar bandar	1

Mana-mana 10 x 1 markah = Maksimum 8 markah

9(c) Terangkan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membangunkan K-masyarakat

F1	Sekolah wawasan	1
H1a	Bagi memupuk perpaduan	1
H1b	Melalui interaksi murid pelbagai kaum	1
H1c	Dapat meningkatkan daya saing	1
F2	Sekolah bestari	1
H2a	Dilengkapkan dengan prasarana teknologi maklumat	1
H2b	Dalam usaha memupuk rasa cinta terhadap ICT	1
F3	Kurikulum juga diubahsuai dan dibentuk	1
H3a	Agar dapat melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis, berfikiran kritis	1
F4	Melahirkan kumpulan tenaga kerja berpendidikan tinggi,	1
H4a	Bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi	1
H4b	Untuk menyahut cabaran globalisasi	1

Mana-mana 12 x 1 markah = Maksimum 6 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT